




HANGAT

VIDEO VIRAL

Cukai Membina Malaysia – Apa Yang Perlu Anda Lakukan Hari Ini?

oleh **Mohd Arshad** 01/12/2025 dalam **Utama & Sensasi**

0

[Share on Facebook](#)[Share on Twitter](#)

KUALA LUMPUR – Dalam usaha membina negara yang inklusif dan sejahtera, sistem percukaian Malaysia kekal sebagai tiang seri pengagihan kekayaan yang adil. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) bukan sekadar pemungut cukai, tetapi menjadi penggerak utama dasar fiskal negara yang memastikan setiap ringgit hasil negara kembali kepada rakyat.

Mengapa Cukai Penting?

Cukai bukan sekadar kewajipan undang-undang. Ia adalah sumbangan bersama untuk membiayai pendidikan anak-anak kita, rawatan kesihatan yang mampu milik, dan infrastruktur yang menghubungkan desa ke kota.

Tanpa cukai, tiada jalan raya, tiada hospital, tiada bantuan untuk golongan rentan.

Malaysia mengamalkan sistem cukai progresif – mereka yang berpendapatan tinggi menyumbang lebih, sehingga kadar maksimum 30%, manakala golongan berpendapatan rendah membayar sedikit atau dikecualikan terus.

Prinsip ini memastikan keadilan sosial yang mampu membantu golongan yang memerlukan.

Manfaat Cukai Kepada Rakyat

Setiap ringgit cukai yang anda bayar bukan sekadar angka di atas kertas, tetapi nadi kepada kehidupan rakyat. Ia membiayai pendidikan anak-anak di sekolah kerajaan, rawatan percuma di hospital awam dan bantuan kewangan seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta Sumbangan Asas Rahmah (SARA) untuk meringankan beban sara hidup.

Cukai juga memastikan subsidi petrol dan elektrik terus dinikmati, menyediakan rumah mampu milik, jalan raya, pengangkutan awam dan skim perlindungan sosial untuk golongan rentan. Tanpa cukai, semua kemudahan ini tidak mungkin wujud.

Inilah bukti bahawa cukai yang anda sumbangkan kembali kepada anda dan masyarakat dalam bentuk kesejahteraan bersama.

Transformasi Digital: Memudahkan Rakyat, Menutup Ketirisan

HASiL kini berada di barisan hadapan digitalisasi dengan platform MyTax, e-Filing, dan pelaksanaan e-Invois yang memudahkan urusan cukai serta mengurangkan ruang ketirisan. Langkah ini memastikan setiap entiti ekonomi sama ada besar atau kecil tertakluk kepada sistem yang sama.

Penguatkuasaan & Integriti

HASiL memperkukuh penguatkuasaan untuk membanteras pengelakan cukai bagi memastikan keadilan fiskal dan meningkatkan kutipan hasil negara. Pendekatan ini membolehkan kerajaan menyalurkan lebih banyak bantuan kepada golongan memerlukan.

Cukai Adalah Amanah

Setiap ringgit cukai yang kita bayar adalah amanah untuk kesejahteraan bersama. Dengan kutipan yang kukuh, kerajaan mampu memperluas jaringan keselamatan sosial, mengurangkan jurang antara yang kaya dan miskin serta memastikan pembangunan yang inklusif.

Patuh cukai bukan sekadar mematuhi undang-undang, ia adalah tanda solidariti kita sebagai rakyat Malaysia. HASiL akan terus menjadi tonggak memastikan keadilan sosial tercapai demi masa depan yang lebih makmur.

Jangan Tunggu Saat Akhir – Mulakan Persediaan e-Filing Tahun 2026 Sekarang!

Apa yang anda perlu lakukan dari sekarang?

Bersiaplah untuk e-Filing Tahun Taksiran 2025 yang bermula Mac 2026 (Borang BE) dan Jun 2026 (Borang B).

Mulakan dengan berbelanja secara bijak agar anda dapat menikmati pelepasan cukai yang sah, simpan semua dokumen dan resit perbelanjaan seperti pendidikan, perubatan, insurans dan derma untuk rujukan semasa pengisian borang.

Tetapkan peringatan (reminder) supaya anda tidak terlepas tarikh akhir e-Filing dan semak maklumat peribadi serta nombor akaun bank di portal MyTax untuk memastikan proses bayaran balik lancar.

Ingat, persediaan awal memudahkan urusan cukai anda dan mengelakkan tekanan di saat akhir!

Layari www.hasil.gov.my untuk maklumat lanjut.

Tags: LHDN